

**Penasihat:**  
Zaharah Hj Abdullah

**Ketua Editor:**  
Muhammad Al Amin Mustafha

**Editor:**  
Nurul Wahida Latif

**Website:**  
www.i-sukan.upm.edu.my

**Facebook:**  
Pusat Sukan UPM

**No. Tel:**  
03-8946 4289

## KARNIVAL SUKAN UPM 2017

Pusat Sukan UPM telah menganjurkan Kejohanan Karnival Sukan UPM 2017, dalam usaha meneruskan program sukan tahunan di UPM. Penganjuran program gaya hidup sihat ini dilihat sebagai medium kepada para peserta untuk mempertingkatkan tahap kemahiran mereka, membina karektor individu untuk mencapai potensi diri yang lebih tinggi dan juga sebagai ruang untuk memperlihatkan bakat-bakat yang ada di kalangan peserta kejohanan. Penganjuran kejohanan ini amat penting buat UPM dalam menyediakan platform kepada komuniti untuk menikmati gaya hidup sihat menerusi sukan. Ini kerana UPM dilihat sebagai sebuah organisasi yang mampu menyediakan kemudahan sukan yang lengkap bagi penganjuran sukan samada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Pada edisi 2017 ini, UPM telah menganjurkan beberapa sukan dan juga pengisian program ilmiah seperti klinik sukan. Bagi acara sukan, terdapat 5 acara utama yang dipertandingkan iaitu, Bola Sepak Terbuka 9s, Bola Sepak Bawah 12 Tahun, Dart, Sepak Takraw Regu dan Ping Pong Novice. Lokasi utama penganjuran kejohanan ialah di Kompleks Sukan UPM. Sempena karnival sukan ini juga, Pusat Sukan telah mengadakan klinik bagi sukan Tee-Ball dan Memanah. Penganjuran edisi 2017 ini telah berjaya menarik minat penyertaan sebanyak 180 pasukan bagi semua sukan.



## KEPUTUSAN SUKAN KOLEJ SEMESTER 2 SESI 2016/2017

### Kategori Lelaki:

Bil.	Acara	Johan	Naib Johan
1.	Lari Berganti-ganti Jalan Raya	K2	K6
2.	Bola Tampar	KTDI	K14
3.	Futsal	K2	KTP
4.	Petanque	KC	K5
5.	Renang	K17	K13
6.	Catur	K17	K2
7.	Olahraga	K6	KTDI
8.	Bola Baling	K2	KTDI
9.	Tenis	K13	K17

### Kategori Wanita:

Bil.	Acara	Johan	Naib Johan
1.	Lari Berganti-ganti Jalan Raya	KTDI	K17
2.	Bola Tampar	KTDI	K17
3.	Futsal	K2	KC
4.	Petanque	K17	K2
5.	Renang	K17	K6
6.	Catur	K17	K2
7.	Olahraga	KTDI	K2
8.	Bola Baling	KTDI	KC
9.	Ragbi Sentuh	KTDI	K2

\*Keputusan perlawanan sukan kolej sehingga 30 April 2017

## ZAIDATUL HUSNIAH ZULKIFLI ATLET KEBANGGAAN NEGARA



Pelajar UPM dan juga ratu pecut negara, Zaidatul Husniah Zulkifli telah melakarkan sejarah gemilang buat Malaysia selepas meleburkan rekod 24 tahun dalam acara 100 meter wanita dalam Kejohanan ASA Speed Series 2 yang telah diadakan di Bloemfontein, Afrika Selatan pada 9 Mac 2017. Zaidatul Husniah telah melakar catatan masa 11.45 saat dengan bantuan angin sebanyak 0.4 saat, sekaligus memadam rekod terdahulu iaitu 11.50 saat dicatat oleh G.Shanti dalam Kejohanan Pra-Sukan SEA di Kuala Lumpur pada 7 Mei 1993.

## UPM SEBAGAI VENUE PENGANJURAN KEJOHANAN LIGA 1MCC TAHUN 2017



Universiti Putra Malaysia telah dipilih sebagai venue rasmi Kejohanan Liga 1Malaysia Connecting Communities (1MCC) bagi tahun 2017. Majlis pelancaran Liga 1MCC 2017 telah disempurnakan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak pada 19 Mac 2017 bertempat di Stadium UPM. Turut hadir semasa pelancaran majlis ialah Pengasas dan Pengerusi 1MCC, Datuk Chan Tien Chee dan Naib Canselor UPM, YBhg. Prof. Datin Paduka. Dr. Aini Ideris.



## PASUKAN GABUNGAN 9 JUARAI KEJOHANAN BADMINTON ANTARA GABUNGAN PTJ MEREbut PIALA TNC AKADEMIK & ANTARABANGSA UPM

Kelab Badminton Staf UPM telah mengadakan Kejohanan Badminton Antara Gabungan PTJ pada 19 Mac 2017 bertempat di Dewan Serbaguna Pusat Sukan UPM. Kejohanan ini diadakan sebagai usaha bagi memupuk semangat setiakawan dan meneruskan aktiviti gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan terutamanya di kalangan staf UPM. Selain itu, kejohanan ini juga merupakan salah satu platform untuk mencari pemain-pemain yang berbakat bagi mewakili UPM untuk menyertai kejohanan Sukan Staf yang bakal dilangsungkan pada Julai 2017 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kejohanan ini telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dengan melibatkan seramai 100 orang peserta termasuk pemain dan pegawai pasukan. Majlis perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. M. Iqbal Saripan, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM.





# ATLET MEMANAH UPM DI KEJOHANAN 1ST ASIAN UNIVERSITY ARCHERY CHAMPIONSHIP 2017

Kejohanan 1st Asian University Archery Championship 2017 merupakan medan persediaan yang terbaik buat atlet universiti Malaysia yang tersenarai dalam skuad Memanah Sukan SEA 2017 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada Ogos 2017. Kejohanan ini telah diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 12 hingga 16 April 2017. Kejohanan yang julung kali diadakan ini merupakan kejohanan anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Asian University Sports Federation (AUSF). Pada edisi 2017, seramai 4 orang atlet Memanah UPM telah tersenarai untuk membawa saingan di pentas Asia ini. Antara atlet Memanah yang tersenarai di dalam kejohanan ini ialah:

- 1) Mohamad Firdaus Ishak (Fakulti Ekonomi & Pengurusan)
- 2) Ummi Aisyah Mohd Fadzil (Fakulti Pengajian Pendidikan)
- 3) Muhamad Fareez Rosli (Fakulti Pengajian Pendidikan)
- 4) Naazir Omar (Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi)



## PENGANJURAN KURSUS/LAWATAN

Bil.	KURSUS/KLINIK/LAWATAN	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
1.	Klinik sukan Tee-Ball	11 & 12 Mac 2017	Mini Turf Hoki, Kompleks Sukan UPM	35 orang
2.	Klinik Memanah	11 Mac 2017	Lapang Sasar Memanah UPM	25 orang
3.	Kursus Kejurulatihan Bola Sepak Lesen "D"	18-21 Mac 2017	Padang Bola Sepak UPM	32 orang
4.	Kursus Penyelamat Kelemasan (Bronze Medal) dan Asas CPR 2017, *Program pembangunan sukan MASUM	27 - 30 Mac 2017	Kompleks Renang, UPM	26 orang
5.	Lawatan bermaklumat SMK Pengkalan Berangan & SMK Bukit Sawa, Marang, Terengganu ke Pusat Sukan UPM	24 April 2017	Pusat Sukan UPM	71 orang pelajar & 11 orang guru pengiring



## PENYERTAAN PASUKAN UPM DI KEJOHANAN-KEJOHANAN TERPILIH

Bil.	KEJOHANAN	TARIKH	TEMPAT	PERINGKAT KEJOHANAN	PENCAPAIAN
1.	Pertandingan Kita Juara Individual Archery Challenge	11 Mac 2017	Lapang Sasar Memanah, Keramat, Kuala Lumpur	Kebangsaan	Compound Lelaki (Emas)
2.	Kejohanan Memanah Kebangsaan Sirkit 1, 2017 dan Terbuka Wira	29 Mac -2 April 2017	Tmn. Keramat, Kuala Lumpur	Kebangsaan	Compound Individu (Emas)
3.	Kejohanan Lawan Pedang KPT-PST	14-17 April 2017	Kompleks Sukan Likas, Sabah	Kementerian Pendidikan Tinggi	1 Emas, 2 perak, 2 gangsa
4.	Kejohanan Olahraga Perak Open/Malaysia Close	14-16 April 2017	Stadium Lumut, Perak	Kebangsaan	
5.	Kejohanan Sofbol Terbuka Sepang, Selangor	15-16 April 2017	Kolej Vokasional Sepang	Terbuka	Lelaki (Tempat ke 5) Wanita (Tempat ke 3)
6.	Varsity Table Tennis Championship 2017	20-23 April 2017	Dewan Sukan UTEM, Melaka	Kementerian Pendidikan Tinggi	Perseorangan Wanita (Suku Akhir) Double wanita (Suku Akhir)
7.	IJM Men's Club Malaysia Volleyball Championship 2017	20-23 April 2017	Dewan Bola Tampar MBSA Shah Alam, Selangor	Kebangsaan	Pasukan Lelaki (Tempat ke 3)
8.	Kejohanan Futsal Wanita IPT 2017	20-23 April 2017	USM, Pulau Pinang	Kementerian Pendidikan Tinggi	Johan
9.	Kejohanan Petanque Institut Pendidikan Tinggi (KPIPT)	23-26 April 2017	Arena Petanque Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor	Kementerian Pendidikan Tinggi	Mix Double (Emas), Double Women & Double Men (Suku Akhir)

